

Introduction

Shangri-La respects the privacy of all its customers and business partners, and treats personal information provided by you as confidential. We pledge to fully comply with the requirements of the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia and, where possible, internationally recognised standards of personal data privacy protection. We use your personal data and information in order to fulfill our commitment to providing you with distinctive Asian standards of hospitality service.

The Application of this Privacy Policy

This Privacy Policy (the "Policy") applies to personal data and information regarding guests and other individuals with whom we do business and to the management of that data and information in any form, whether electronic or written.

This Policy gives effect to our commitment to protect your personal information and has been adopted by all of the hotel and resort properties owned, managed and/or operated by Shangri-La International Hotel Management Limited or its affiliated or associated companies. References to "Shangri-La", "we", "our" and "us" hereinafter, depending on the context, collectively refer to those separate and distinct properties or entities.

Our collection of Personal Information

The term "personal data" in this Policy refers to personal information which is capable of identifying you as an individual. You can visit our website without providing any personal data or information. The collection and processing of personal data may be obligatory for purposes of providing you with our services. The collection may also be obligatory for purposes of compliance with the Registration of Guest Act 1965 as well as compliance with other local laws and regulations. We will notify you whether the personal data requested is obligatory or voluntary. Personal data may be collected as part of: (i) fulfilling reservations or requests for information or services, (ii) accommodating your personal preferences, (iii) purchasing our products or services, (iv) registering for our program memberships, and (v) facilitating communications.

Types of Personal Information we collect

The types of personal data that we process include:

- your personal details such as name, national identification number, age, sex, nationality, occupation, contact information, passport and visa information and other required information pursuant to local laws and regulations;
- guest stay information, including the hotels where you have stayed, date of arrival and departure, goods and services purchased, special requests made, observations about your service preferences, telephone numbers dialed, faxes and telephone messages received from third parties on behalf of guests/customers;
- your credit card details, membership information, account details, profile or password details and any frequent flyer or travel partner programme affiliation;
- any information necessary to fulfill special requests (for example, leisure, travel and guest preferences);

- your reviews and opinions about our services;
- information such as videos and photographs collected through the use of closed circuit television systems and other security systems; and
- information relating to the credit of customers.

How we use Personal Information

We may use and disclose relevant portions of your personal data and information in order to:

- process and/or confirm hotel arrangements and restaurant reservations;
- provide and charge for the hotel accommodations and other goods and services you purchase;
- provide privileges, benefits and services to you;
- provide you with a better, more personalized level of service;
- process applications and administer membership programmes;
- fulfill contractual obligations to you, anyone involved in the process of making your travel arrangements (e.g. travel agents, group travel organisers and your employer) and vendors (e.g. credit card companies, airline operators and other loyalty programmes);
- conduct market analysis, market research, customer satisfaction and quality assurance surveys;
- respond to requests for information and services;
- provide for the safety and security of guests;
- administer general record keeping;
- facilitate direct marketing, promotional and customer management purposes, including sending you sales promotional communications or special offers if you have consented to receive the same. Please see section “Direct Marketing” below;
- facilitate matching for whatever purpose with other personal data;
- disclose the winner of contests and lucky draw competitions conducted by us or on our behalf;
- meet legal and regulatory requirements.

Disclosures of your Personal Information

From time to time, we may disclose and transfer your personal data and information (whether within or outside of Malaysia) to Shangri-La Group of hotels and resorts, travel-related companies (for example, airline companies, car rental companies and excursion tour companies), and business partners and third party data processors who provide administrative, telecommunications, payment or other services to any of the Shangri-La Group of hotels and resorts to facilitate your requests or provide you with goods and services you require and for the purposes described under the section “How we use Personal Information”. The recipients of any such data are contractually prohibited from using personal data and information for any purpose other than for the purpose(s) Shangri-La specifies.

We reserve the right to disclose any personal data and information we have concerning you if we are compelled to do so by a court of law or requested to do so by a governmental entity or if we determine it is necessary or desirable to comply with the law or to protect or defend our rights or property. We also reserve the right to retain information collected and to process such information to comply with accounting and tax rules and regulations.

We may share aggregated demographic information with business partners, affiliates or other entities. This aggregate information is not linked or traceable to any personally identifiable information about you.

Except as described herein, we do not permit the sale or transfer of personally identifiable information to third parties.

Direct Marketing

We intend to use your personal information (including your name, address, telephone numbers, email and other contact details) to send you marketing communications such as direct-mail, email, telephone calls and SMS containing news, offers, promotions, events to be offered by us or by our business partners in relation to the following classes of products and services: travel, transportation, retail, food and beverage, credit cards, financial and investment services, real estate, entertainment, publications, fashion and jewellery, leisure and sports, health and wellness, non-profit and charitable activities, telecommunications, social networking, media and public relations.

We will not use your personal information for direct marketing without your consent. We will always ask for your consent before we use your personal information for direct marketing. You may opt-out from receiving marketing communications at any time, free of charge, by following the “opt-out” instructions contained in the communications or contacting Shangri-La in accordance with the section “How to Access or Correct Personal Information”.

Centralised Processing of Personal Information

Like most international businesses, we have centralised certain aspects of our data processing activities, which in many instances will result in the transfer of your personal information from one country to another. For example, if you make a reservation and/or stay at a Shangri-La hotel or resort outside of Malaysia, the personal data and information gathered in that process may be transferred to and processed in Malaysia or other jurisdictions. The jurisdictions where those data and information will be processed may or may not have laws that seek to preserve the privacy of personal data. Nevertheless, whenever your personal data is transferred within the Shangri-La Group, your personal data will be processed in accordance with the terms and conditions of this Policy.

We retain the personal data collected for so long as may be necessary to fulfill the purpose (including any directly related purpose) for which the information was to be used.

Our commitment to Data Security

To maintain the accuracy of your personal data, as well as preventing unauthorised access to and ensuring the correct use of your personal data, we have carried out appropriate physical, electronic and managerial measures to safeguard and secure the personal data we collect. These measures are subject to ongoing review and monitoring. Whilst we make every effort to protect your personal data, no security measures can guarantee that your personal data and information will not be subject to interference, misuse or hacking and we shall not be responsible for any loss, misuse or alteration arising as a result of such incidents.

Children and Minors

Except where required by local laws, we do not knowingly collect personal information from children or minors. If you are a child or minor, you may only use our website and services with the permission of your parent or guardian.

Anonymous Browsing

Visitors to our website www.shangri-la.com do so on an anonymous basis. We have not configured our website to collect any information from your computer without your input. This means that unless you voluntarily and knowingly provide us with information, we will not know your identity, your email address, or any other information identifiable to you.

Cookies

To enhance your experience on our web site, some of our web pages may use "cookies." Cookies are text files that we place in your computer's browser to store your preferences. Cookies, by themselves, do not tell us your email address or other personally-identifiable information unless you choose to provide this information to us by, for example, registering for one of our services. However, once you choose to furnish the site with your personally-identifiable information, this information may be linked to the data stored in the cookie.

We use cookies to understand site usage and to improve the content and offerings on our sites. For example, we may use cookies to personalize your experience at our web pages (e.g., to recognize you by name when you return to our site), save your username and/or password in password-protected areas, and to offer you products, programmes, or services.

Choice

You may always choose what personal data and information (if any) you wish to provide to us. However, if you choose not to provide certain details, some of your experiences with us may be affected (for example, we cannot take a reservation without a name).

We will abide by any request from you not to send you direct marketing materials. When such a request is received, your contact details will be "suppressed" rather than deleted. This will ensure that your request is recorded and retained unless you provide a later consent that overrides it.

How to Access or Correct Your Personal Information

You are entitled to access and make changes to any personal data relating to your profile held in our database. You should update the personal data held by us whenever there is a change. If you have any questions about this Policy, or if you would like to submit a request for access to or change of the personal data and information that we maintain about you, please contact our Director of Customer Care, Mr. Kenneth Yap by sending a written request to 11th Floor, UBN Tower, No. 10, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur (Telephone Number: 603 - 2052 3088; Fax Number: 03 2052 3198) or email us at receptionist@shangri-la.com.

We reserve the right to charge a fee for the processing of any such access request. The fee chargeable is RM2.00 for each request without a copy of the personal data and RM10.00 for each request with a

copy of the personal data. As indicated above, all requests for access to your personal information must be submitted in writing. When communicating your request, please be sure to include your full name, address and telephone number so we can ascertain your identity, and specify clearly the type of enquiry and the original source of data collection.

Changes to the Policy

We may modify this Policy from time to time. Any changes to this Policy will be posted to our website so that you are always informed of the way we collect and use your personal data. Updated versions of our Policy will include the date of the revision at the end of this Policy so that you are able to check when the Policy was last amended.

Any changes to our Policy will become effective upon posting of the revised Policy on the website. Use of the website following such changes constitutes your acceptance of the revised Policy then in effect.

Miscellaneous

This Policy is governed by and shall be construed in accordance with the laws of Malaysia.

This Policy is written in the English and Malay languages and may be translated into other languages. In the event of any inconsistency between the English version and the translated version of this Policy, the English version shall prevail.

Pengenalan

Shangri-la menghormati privasi pelanggan-pelanggan dan rakan-rakan kongsi perniagaannya, dan menganggap data peribadi yang diperuntukkan oleh anda sebagai maklumat yang sulit. Kami berikrar untuk mematuhi sepenuhnya syarat-syarat Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia dan, jikalau boleh, akan mematuhi taraf perlindungan data peribadi yang telah diiktirafkan di tahap antarabangsa. Kami menggunakan data peribadi anda bagi tujuan menunaikan komitmen kami untuk memberi anda perkhidmatan hospitaliti yang unggul di Asia.

Aplikasi Polisi Privasi Ini

Polisi Privasi ini adalah terpakai untuk data peribadi dan maklumat yang berkenaan dengan tetamu-tetamu kami dan individu-individu lain yang berurusan dengan kami dan bagi tujuan pengurusan data dan maklumat yang berkenaan itu dalam sebarang bentuk dan media, sama ada elektronik atau secara bertulis.

Polisi Privasi ini memberi kesan kepada komitmen kami untuk melindungi data peribadi anda dan telah diamalkan oleh kesemua hotel dan pusat peranginan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh Shangri-La International Hotel Limited, syarikat-syarikat gabungannya atau syarikat-syarikat yang bersekutu. Rujukan kepada "Shangri-La" dan "kami" selepas ini, bergantung kepada konteks, secara kolektifnya merujuk kepada entiti-entiti yang berasingan dan berbeza.

Data Peribadi Yang Dikumpulkan Oleh Kami

Isitilah "data peribadi" di dalam Polisi ini merujuk kepada data peribadi yang boleh mengenalpastikan identiti anda sebagai seorang individu. Anda boleh mengunjungi laman web kami tanpa memberikan sebarang data peribadi atau maklumat anda kepada kami. Pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda mungkin wajib bagi tujuan-tujuan untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan kami. Pengumpulan data peribadi anda mungkin juga wajib bagi tujuan mematuhi Akta Pendaftaran Tetamu 1965 serta mematuhi undang-undang tempatan dan peraturan-peraturan yang lain. Kami akan memaklumkan kepada anda sama ada data peribadi yang diminta adalah wajib atau secara sukarela. Data peribadi yang dikumpulkan mungkin digunakan bagi tujuan: (i) menyempurnakan tempahan bilik hotel atau memenuhi permintaan anda untuk maklumat atau perkhidmatan, menyesuaikan atau memenuhi kehendak peribadi anda, membeli produk-produk atau melanggan perkhidmatan kami, pendaftaran untuk program keahlian kami, dan (v) untuk memudahkan komunikasi.

Jenis Data Peribadi Yang Dikumpulkan Oleh Kami

Data peribadi yang dikumpulkan oleh kami termasuk:

- Data peribadi anda seperti nama, nombor kad pengenalan, jantina, umur, kewarganegaraan, pekerjaan, maklumat hubungan, maklumat pasport dan visa dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan dan dinyatakan dalam undang-undang atau peraturan-peraturan di Malaysia;
- Maklumat tetamu hotel, termasuk hotel yang dilanggan, tarikh ketibaan dan pemergian, barangan yang telah dibeli dan perkhidmatan yang telah dilanggan, permintaan

khas yang dibuat, pemerhatian tentang perkhidmatan pilihan anda, nombor telefon yang telah dipanggil, faks dan pesanan telefon yang diterima daripada pihak ketiga bagi pihak tetamu;

- butir-butir kad kredit anda, maklumat akaun bank, perincian-perincian akaun, butiran profil atau kata laluan dan mana-mana program gabungan bagi penerbangan kerap atau rakan kembara;
- mana-mana maklumat yang diperlukan bagi tujuan memenuhi permintaan khas anda (misalnya, masa lapang, perjalanan dan tetamu yang diutamakan);
- ulasan dan pendapat-pendapat anda tentang perkhidmatan kami;
- maklumat seperti video dan gambar yang ditangkap dan dikumpulkan melalui penggunaan sistem-sistem televisyen litar tertutup dan sistem keselamatan lain; dan
- maklumat berkaitan dengan kredit pelanggan.

Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda

Kami mungkin menggunakan dan mendedahkan bahagian-bahagian data peribadi dan maklumat anda bagi tujuan:

- Memproses dan / atau mengesahkan aturan hotel dan tempahan restoran;
- Penyediaan dan caj bayaran untuk penginapan hotel dan barangan atau perkhidmatan lain yang dibeli atau dilangani;
- Memberi keistimewaan, faedah dan perkhidmatan kepada anda;
- Memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada anda;
- Memproses permohonan dan bagi tujuan pentadbiran program-program;
- Memenuhi obligasi kontraktual dengan anda, mana-mana pihak yang terlibat dalam proses aturan-aturan perjalanan anda (misalnya ejen-ejen pelancongan, penganjur pelancongan dan majikan anda) dan vendor (misalnya syarikat-syarikat kad kredit, pengendali-pengendali sistem penerbangan dan program kesetiaan yang lain);
- Mengendalikan atau menjalankan analisis pasaran, penyelidikan pasaran, kajian kepuasan pelanggan dan jaminan kualiti;
- Respon terhadap permintaan untuk maklumat dan perkhidmatan;
- Keselamatan tetamu;
- Pentadbiran rekod simpanan am;
- Mempermudahkan pemasaran langsung, promosi dan tujuan-tujuan pengurusan pelanggan, termasuk penghantaran maklumat dan komunikasi-komunikasi promosi atau tawaran istimewa sekiranya anda telah bersetuju untuk menerima maklumat atau komunikasi-komunikasi tersebut. Sila lihat bahagian "pemasaran langsung" di bawah;
- Mempermudahkan pepadanan dengan data peribadi lain;
- Mendedahkan pemenang peraduan dan pertandingan-pertandingan cabutan bertuah yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami; dan
- Mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan.

Pendedahan Data Peribadi Anda

Dari semasa ke semasa, kami mungkin akan mendedahkan dan memindahkan data peribadi dan maklumat anda (sama ada dalam atau di luar Malaysia) kepada kumpulan hotel dan pusat peranginan Shangri La, syarikat-syarikat berkaitan perlancongan (misalnya, syarikat penerbangan, syarikat-syarikat sewa kereta dan syarikat pelancongan lawatan), dan rakan kongsi perniagaan dan pemproses-pemproses data yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, pembayaran atau perkhidmatan yang lain kepada mana-mana pihak dalam kumpulan hotel dan pusat peranginan Shangri La bagi tujuan menunai permintaan anda atau memberikan anda barangan dan perkhidmatan yang diperlui dan juga bagi tujuan yang tertera di perenggan "Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda". Penerima mana-mana data peribadi tersebut adalah dilarang dalam kontrak daripada menggunakan data peribadi dan maklumat untuk sebarang tujuan selain daripada untuk tujuan yang ditentukan oleh Shangri La.

Kami berhak untuk mendedahkan mana-mana data peribadi dan maklumat yang berkenaan dengan anda sekiranya kami diwajibkan untuk berbuat demikian oleh mahkamah undang-undang atau oleh entiti kerajaan atau pendedahan data peribadi itu adalah perlu bagi tujuan mematuhi undang-undang atau melindungi atau mempertahankan hak-hak atau harta-benda kami. Kami juga berhak menyimpan maklumat yang dikumpulkan dan memproses maklumat tersebut bagi tujuan mematuhi peraturan-peraturan perakaunan dan serta peraturan-peraturan cukai.

Kami mungkin berkongsi maklumat agregat demografi dengan rakan-rakan niaga, sekutu atau entiti lain. Maklumat agregat ini tidak berkait atau dapat dikesan kepada mana-mana data peribadi yang boleh mengenal pasti maklumat berkenaan anda.

Selain daripada penerangan di sini, kami tidak membenarkan penjualan atau pemindahan data peribadi kepada pihak ketiga

Pemasaran Langsung

Kami berhasrat menggunakan data peribadi anda (termasuk nama anda, alamat, nombor telefon, e-mel dan butir-butir hubungan lain) bagi tujuan menghantar komunikasi dan maklumat pemasaran kepada anda melalui mel terus, e-mel, panggilan telefon dan SMS yang mengandungi berita, tawaran, promosi, acara yang akan ditawarkan oleh kami atau oleh rakan kongsi perniagaan kami yang berkenaan dengan kelas-kelas produk dan perkhidmatan yang berikut: pengembaraan, pengangkutan, runcit, makanan dan minuman, kad-kad kredit, kewangan dan perkhidmatan pelaburan, hartanah, hiburan, penerbitan, fesyen dan barang kemas, masa lapang dan sukan, kesihatan dan keadaan kesihatan, aktiviti-aktiviti amal dan bukan berasaskan keuntungan, telekomunikasi, rangkaian sosial, media dan perhubungan awam.

Kami tidak akan menggunakan data peribadi anda untuk pemasaran langsung tanpa persetujuan anda. Kami akan sentiasa meminta persetujuan anda sebelum kami menggunakan data peribadi anda untuk pemasaran langsung. Anda boleh memilih keluar daripada menerima komunikasi dan maklumat pemasaran pada bila-bila masa, secara percuma, dengan mengikuti arahan-arahan "memilih keluar" yang terkandung di dalam komunikasi tersebut atau menghubungi Shangri La seperti mana yang tertera di dalam perenggan "Bagaimana Anda Boleh Mangakses Data Peribadi Anda".

Pemprosesan Berpusat Data Peribadi

Seperti kebanyakan perniagaan antarabangsa, kami telah memusatkan aspek tertentu aktiviti-aktiviti pemprosesan data peribadi kami, yang akan mengakibatkan pemindahan data peribadi anda dari satu negara kepada negara yang lain. Misalnya, jika anda membuat tempahan dan / atau tinggal di hotel Shangri La atau pusat peranginan di luar Malaysia, data peribadi dan maklumat terkumpul dalam proses itu boleh dipindahkan ke dan diproses di Malaysia atau bidang kuasa lain. Bidang kuasa di mana data peribadi anda diproses mungkin mempunyai atau tidak mempunyai undang-undang yang menjaga privasi data peribadi. Walau bagaimanapun, di sepanjang masa data peribadi anda dipindahkan dalam Shangri La Group, data peribadi anda akan diproses selaras dengan terma dan syarat Polisi ini.

Kami akan menyimpan data peribadi yang dikumpulkan untuk masa yang selaras dengan masa yang diperlukan bagi memenuhi tujuan pengutipan atau pengumpulan data peribadi (termasuk mana-mana tujuan yang berkaitan secara langsung).

Komitmen Kami Terhadap Keselamatan Data Peribadi

Untuk mengekalkan ketepatan data peribadi anda, serta mencegah akses tanpa kebenaran dan memastikan penggunaan yang betul akan data peribadi anda, kami telah menjalankan langkah-langkah fizikal yang sesuai, langkah-langkah elektronik dan pengurusan bagi menjamin keselamatan data peribadi yang dikumpulkan oleh kami. Langkah-langkah keselamatan ini tertakluk kepada semakan semula serta pengawasan yang berterusan. Walaupun kami berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melindungi data peribadi anda, tiada mana-mana langkah-langkah keselamatan yang boleh menjamin bahawa data peribadi dan maklumat anda tidak akan tertakluk kepada gangguan, penyalahgunaan atau penggodaman dan kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, penyalahgunaan atau perubahan atas data peribadi anda yang disebabkan oleh kejadian seperti itu.

Kanak-kanak Atau Budak Bawah Umur

Melainkan diperlukan oleh undang-undang tempatan, kami tidak akan mengumpul data peribadi kanak-kanak atau budak bawah umur dengan sengaja. Jika anda adalah seorang kanak-kanak atau budak bawah umur, anda hanya boleh menggunakan laman web dan perkhidmatan kami dengan kebenaran ibu bapa atau penjaga anda.

Layaran Tanpa Nama

Kunjungan ke laman web kami di www.shangri-la.com adalah tanpa penyerahan nama atau identiti. Kami tidak mengkonfigurasikan laman web kami untuk mengumpul apa-apa maklumat atau data peribadi dari komputer anda tanpa input anda. Ini bermaksud selain daripada peruntukan maklumat dan data peribadi oleh anda secara sukarela, kami tidak akan tahu identiti anda, alamat e-mel anda, atau apa-apa maklumat lain dapat mengenal pasti identiti anda.

“Cookies”

Untuk meningkatkan pengalaman anda di laman web kami, terdapat beberapa halaman web kami yang menggunakan "Cookies". "Cookies" adalah fail teks yang kami letakkan dalam pelayar komputer anda untuk menyimpan maklumat pilihan anda. "Cookies", secara sendirinya, tidak mendedahkan kepada kami alamat e-mel anda atau maklumat dan data peribadi yang boleh mengenal pasti identiti anda melainkan anda memilih untuk memberikan maklumat ini kepada kami, misalnya, untuk melanggan perkhidmatan kami dan sebagainya. Bagaimanapun, sebaik sahaja anda memilih untuk memberikan laman ini dengan data peribadi anda yang boleh dikenal pasti, maklumat ini boleh dikaitkan dengan data disimpan di dalam "Cookies".

Kami gunakan "Cookies" untuk memahami penggunaan laman web dan meningkatkan kandungan dan tawaran di laman-laman kami. Misalnya, kami boleh menggunakan "Cookies" untuk mempersonalisasikan pengalaman anda di laman-laman web kami (misalnya, untuk mengenali anda dengan nama apabila anda kembali kepada laman kami), menyimpan nama pengguna anda dan / atau kata laluan di kawasan-kawasan yang dilindungi oleh kata laluan, dan menawarkan anda dengan produk, program, atau perkhidmatan kami.

Pilihan

Anda boleh sentiasa memilih mana-mana data peribadi dan maklumat yang anda ingin berikan kepada kami. Bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak memberi butiran-butiran yang tertentu, pengalaman anda dengan kami mungkin akan terjejas (misalnya, kami tidak boleh menerima suatu tempahan tanpa nama anda)

Kami akan mematuhi permintaan anda untuk tidak menerima maklumat-maklumat pemasaran langsung. Apabila permintaan sebegini diterima, butiran-butiran hubungan anda "akan disekat" dan bukannya dihapuskan. Ini akan memastikan bahawa permintaan anda direkodkan dan dikekalkan melainkan anda memberikan keizinan anda yang menggubalkan permintaan tersebut.

Mengakses Data Peribadi Anda

Anda berhak untuk mengakses dan membuat perubahan ke atas data peribadi yang berkenaan dengan profil anda yang disimpan dalam pangkalan data kami. Anda seharusnya mengemaskinikan data peribadi yang dipegang oleh kami apabila terdapat sesuatu perubahan. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang Polisi ini, atau jika anda ingin mengemukakan satu permohonan untuk mengakses atau membuat sebarang perubahan ke atas data peribadi anda yang dipegang oleh kami, sila hubungi Pengarah Penjagaan Pelanggan kami, En. Kenneth Yap melalui permohonan bertulis ke Tingkat-11, UBN Tower, No. 10, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur (Nombor Telefon: 603 - 2052 3088; Nombor Fax: 03 2052 3198) atau mengirimkan e-mel kepada kami di receptionist@shangri-la.com.

Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk pemprosesan mana-mana permohonan akses sedemikian. Bayaran yang boleh dikenakan adalah RM2.00 untuk setiap permohonan akses tanpa salinan data peribadi dan RM10.00 untuk setiap permohonan beserta dengan satu salinan data peribadi anda. Sebagaimana yang disebut di atas, semua permohonan akses kepada data peribadi anda mestilah dibuat secara bertulis. Apabila anda menyerahkan permohonan anda, sila pastikan anda memberikan nama penuh anda, alamat dan nombor telefon anda supaya

kami dapat mengenalpasti identiti anda, dan menentukan dengan jelas jenis pertanyaan dan sumber asal pengumpulan data.

Pindaan atas Polisi Ini

Kami berhak membuat sebarang pindaan ke atas Polisi ini dari masa ke semasa. Sebarang pindaan terhadap Polisi ini akan dimuat naikan di laman web kami bagi tujuan memaklumkan dan memberitahu anda cara kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda. Versi kemas kini Polisi kami akan termasuk dengan tarikh perubahan yang akhir terhadap Polisi ini supaya anda mengetahui tarikh akhir pindaan yang dibuat terhadap Polisi ini.

Sebarang pindaan yang dilakukan terhadap Polisi ini akan berkuatkuasa apabila Polisi ini dimuat naikan di atas laman web kami. Penggunaan laman web berikutan pindaan yang dibuat akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap Polisi yang telah dipinda.

Lain-Lain

Polisi ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut dan selaras dengan undang-undang negara Malaysia.

Polisi ini ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan boleh diterjemahkan ke bahasa-bahasa yang lain. Sekiranya berlaku sebarang ketidakselarasan antara versi bahasa Inggeris dengan versi yang telah diterjemahkan, versi bahasa Inggeris harus diamalkan dan diberi keutamaan.